



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN TAPAK KE PROJEK MEMBINA JALAN BARU LENCONGAN TIMUR DARI PERSIMPANGAN JALAN TUN RAZAK, (K8/K368) ALOR SETAR, KEDAH (FASA 2A)

Kedah – Projek membina Jalan Baru Lencongan Timur dari Persimpangan Jalan Tun Razak, (K8/K368) Alor Setar, Kedah (Fasa 2A) adalah pembinaan jalan dari Alor Mengkudu ke Jalan Datuk Kumbang (Taman Nuri). Projek ini dibahagikan kepada tiga (3) fasa iaitu Fasa 1 (telah siap), Fasa 2A (dalam pembinaan dan LAD) manakala untuk Fasa 2B milikan tapak telah bermula pada 12 Mac 2018 yang lalu. YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya Malaysia yang baharu dalam sesi lawatan kerjanya pada hari ini telah mengadakan lawatan tapak di projek ini bagi melihat perkembangan projek selain mengadakan lawatan ke Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri.

Projek ini merupakan projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan telah diluluskan untuk direkabentuk. Skop kerja yang dilaksanakan adalah melibatkan menaiktaraf jalanraya sediaada sepanjang dua (2)km dan membina jalan baru sepanjang enam (6)km. Antara kerja-kerja tersebut ialah :

- i. Menaik taraf jalan dari 2 lorong 2 hala kepada 4 lorong 2 hala yang menghubungkan Fasa 1 (500m);
- ii. Membina jalan baru 2 lorong 2 hala, dari Simpang Alor Mengkudu ke Jalan Datuk Kumbang (3.6km);

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

- iii. Pembinaan jambatan baru merentasi Sungai Pendang (180m), dan
- iv. Pembinaan jambatan merentasi parit monsun Jabatan Pengairan Saliran (JPS).

Apabila siap pembinaan projek ini kelak dapat melancarkan pergerakan trafik dari selatan ke kawasan pertumbuhan pembangunan baru di Pokok Sena dan Durian Burong di sempadan Thailand. Laluan ini juga dapat menyuraikan aliran trafik yang lebih lancar serta memberi akses menyeluruh sebelah Timur Bandaraya Alor Setar memandangkan jalan sediada yang berdekatan terutama Jalan Langgar telah mencapai *Level of Service* (LOS E – F) pada waktu puncak.

Sudah pasti ini akan merancakkan lagi pembangunan sosio-ekonomi setempat kerana telah meningkatkan keupayaan *accessibility* ke kawasan tanah pertanian dan peluang pembangunan baru dapat diserakkan (membuka koridor baru). Malah keadaan setempat lebih teratur dan tersusun lebih-lebih lagi di kawasan tepi jalan serta perabot jalan yang lebih baik.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
7 JULAI 2018

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my